

D.R. 17/2005

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005.

Pindaan am

2. Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [*Akta 560*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "Prosedur" dan "prosedur" di mana-mana jua terdapat masing-masing dengan perkataan "Tatacara" dan "tatacara";
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan "Islamic Law" di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam takrif "Administration Law", dengan perkataan "*Hukum Syarak*"; dan

Rang Undang-Undang

- (c) dengan menggantikan perkataan "Jadual" dan "JADUAL" di mana-mana jua terdapat masing-masing dengan perkataan "Jadual Kedua" dan "JADUAL KEDUA".

Pindaan seksyen 2

3. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan selepas takrif "Hakim" takrif yang berikut:

' "Hukum Syarak" ertinya Hukum Syarak mengikut Mazhab Shafie, atau mengikut mana-mana satu Mazhab Maliki, Hanafi atau Hanbali;'; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (3) dengan subseksyen yang berikut:

"(3) Bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau tafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan bolehlah dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu."

Pindaan seksyen 57

4. Perenggan 57(1)(a) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan "di tempat kesalahan itu dilakukan" dengan perkataan "pada masa itu juga".

Pindaan seksyen 210

5. Seksyen 210 Akta ibu dipinda dalam teks bahasa kebangsaan dengan menggantikan perkataan "seratus ringgit" dengan perkataan "satu ribu ringgit".

Jadual baru Pertama

6. Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum Jadual Kedua
Jadual yang berikut:

"JADUAL PERTAMA
[Subseksyen 2(3)]

TULISAN DALAM BAHASA ARAB BAGI
PERKATAAN DAN UNGKAPAN TERTENTU

'adil— عدل
Kadi— قاضي ”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 ("Akta 560").

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk membuat pindaan am kepada Akta 560 bagi maksud untuk menyeragamkan penggunaan istilah.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 560. Pindaan ini bertujuan untuk memasukkan takrif "Hukum Syarak" ke dalam Akta dan juga untuk memperuntukkan bahawa bagi mengelakkan keraguan tentang identiti atau tafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta ini yang disenaraikan dalam Jadual Pertama, rujukan boleh dibuat kepada tulisan Arab bagi perkataan dan ungkapan itu yang ditunjukkan bersetentangan dengannya dalam Jadual itu.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk meminda seksyen 57 Akta 560, dalam teks bahasa kebangsaan, untuk menggantikan perkataan "di tempat kesalahan itu dilakukan" dengan perkataan "pada masa itu juga".
6. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda seksyen 210 Akta 560, dalam teks bahasa kebangsaan, untuk menggantikan perkataan "seratus ringgit" dengan perkataan "satu ribu ringgit".
7. *Fasal 6* bertujuan untuk memasukkan Jadual baru Pertama kepada Akta 560 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan dalam *fasal 3*.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2414]